

"BEFORE YOU CLICK ON THE "ACTIVATE NOW" BUTTON, PLEASE READ THE FOLLOWING TERMS AND CONDITIONS CAREFULLY. BY CLICKING ON THE "ACTIVATE NOW" BUTTON, YOU SIGNIFY YOUR AGREEMENT TO THESE TERMS AND CONDITIONS AND YOU SHALL BE BOUND BY THE SAME."

"SEBELUM ANDA MENEKAN PADA BUTANG "AKTIFKAN SEKARANG", SILA BACA TERMA DAN SYARAT BERIKUT DENGAN TELITI. DENGAN MENEKAN BUTANG "AKTIFKAN SEKARANG", ANDA MENANDAKAN PERSETUJUAN ANDA KEPADA TERMA DAN SYARAT INI DAN ANDA AKAN TERIKAT DENGAN YANG SAMA."

1.0 OVERVIEW

1.1 These are the Terms and Conditions governing the use of our Debit Card-i, as amended from time to time, and are binding on you. It includes all requirements, directives, regulations, guidelines and orders issued by us and any authority having jurisdiction over us, from time to time. These Terms and Conditions shall be read together with the terms and conditions governing our other products and/or services which are available at the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Application.

1.2 The Debit Card-i issued by us to you is based on the Shariah concept of Ujrah (where a payment of fee is made by you for the utilisation of services provided by us through the usage of the Debit Card-i) where we facilitate the payment to the participating Merchants and provide ATM withdrawals services to cardholders for a fee and other relevant services that will be provided from time to time. We shall determine the types of services, benefits, privileges and applicable fees.

1.3 The Debit Card-i can only be used for Shariah-compliant goods and services. The Debit Card-i shall not be used at any Merchants who are in the business of providing Shariah non-compliant goods and services and/or for any Shariah non-compliant transactions as categorised by merchant category as stated in the Product Disclosure Sheet of the Debit Card-i. The list of Shariah non-compliant goods may be amended from time to time and updated via the AEON Bank Application.

1.4 You are advised to read and understand these Terms and Conditions before accepting them. You are deemed to have accepted these Terms and Conditions digitally.

1.5 In the event of any conflict in the interpretation and translation of these Terms and Conditions in any language, the English version of these Terms and Conditions shall prevail.

2.0 DEFINITION & INTERPRETATIONS

2.1 The following terms and expressions shall apply to these Terms and Conditions, unless the context requires otherwise:

"Account" refers to the Savings Account-i, which is a Shariah-compliant deposit account in Malaysian Ringgit currency.

1.0 RINGKASAN

1.1 Berikut adalah Terma dan Syarat yang mentadbir penggunaan Kad Debit-i kami sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa, dan mengikat anda. Ia termasuk semua keperluan, arahan, peraturan, garis panduan dan perintah yang dikeluarkan oleh kami dan mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, dari masa ke semasa. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat yang mentadbir produk dan/atau perkhidmatan kami yang lain yang boleh didapati di Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank.

1.2 Kad Debit-i yang dikeluarkan oleh kami kepada anda adalah berdasarkan konsep Syariah Ujrah (di mana bayaran yuran dibuat oleh anda untuk penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh kami melalui penggunaan Kad Debit-i) di mana kami mempermudah pembayaran kepada Pedagang yang mengambil bahagian dan menyediakan perkhidmatan pengeluaran ATM kepada pemegang kad dengan bayaran dan perkhidmatan lain yang berkaitan yang akan disediakan dari masa ke semasa. Kami akan menentukan jenis-jenis perkhidmatan, faedah, keistimewaan dan yuran yang dikenakan.

1.3 Kad Debit-i ini hanya boleh digunakan untuk barangan dan perkhidmatan yang patuh Syariah. Kad Debit-i tidak boleh digunakan pada mana-mana Pedagang yang menjalankan perniagaan penyediaan barangan dan perkhidmatan yang tidak patuh Syariah dan/atau untuk sebarang transaksi yang tidak patuh Syariah seperti yang dikategorikan mengikut kategori pedagang seperti yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk Kad Debit-i. Senarai barangan yang tidak patuh Syariah boleh dipinda dari masa ke semasa dan dikemas kini melalui Aplikasi AEON Bank.

1.4 Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menerimanya. Anda dianggap menerima Terma dan Syarat ini secara digital.

1.5 Sekiranya berlaku sebarang percanggahan dalam penafsiran dan terjemahan Terma dan Syarat ini dalam mana-mana bahasa, versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

2.0 DEFINISI DAN TAFSIRAN

2.1 Terma dan ungkapan berikut akan terpakai kepada Terma dan Syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya:

"Akaun" merujuk kepada Akaun Simpanan-i, yang merupakan akaun deposit patuh Syariah dalam mata wang Ringgit Malaysia.

“AEON Bank Application” refers to the Mobile Application that you use to access AEON Banking Services.

“AEON Bank Application Terms and Conditions” refers to the terms and conditions of the AEON Bank Application.

“AEON Bank Website” refers to our webpage where it consists of further details of our AEON Banking Services which you can access through your Mobile Device at any time.

“AEON Banking Services” refers to our facilities, products and services that are made available to you that can be accessed through the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Application.

“AEON Bank Customer Support” refers to our details as follows:
Email: customer.support@aeonbank.com.my

“AEON Group” refers to all companies that are deemed related to us, including our parent company, and all related subsidiaries of such parent company.

“ATM” refers to an automated teller machine.

“ATM PIN” refers to the six-digit numeric personal identification number (ATM PIN) for a Debit Card-i issued to you under your Account.

“Authorised Cash Outlets” refers to any member institution of which are authorised to accept PayNet or any other brand owners of which we are a member to facilitate cash withdrawal.

“Auto Debit” refers to recurring payments made by you through the Debit Card-i for payment of Takaful/insurance, bills, and/or other services that we may introduce and provide from time to time.

“Biometric” refers to the biometric imprint(s) that is saved on the Mobile Device which supports the biometric authentication function, including but not limited to face and fingerprint, and may be used in place of your User ID to access the AEON Banking Services through the AEON Bank Application and perform any functions available on the AEON Banking Services through the AEON Bank Application.

“BNM” refers to Bank Negara Malaysia.

“Business Days” refers to any day from Monday to Friday on which we are open for business in Malaysia but does not include any public holiday.

“Card-Not-Present Transaction” refers to Transactions made where you are unable or not required to present the card physically when making payment including but not limited to online, Auto Debit, mail order and telephone order (MOTO) transactions.

“Card Transaction” refers to Transactions made where you present the Debit Card-i physically when making payment included but not limited to Retail Purchases.

“Contactless Reader” refers to the secure reader that is equipped within a POS Terminal through which Contactless Transaction purchases may be made.

“Aplikasi AEON Bank” merujuk kepada Aplikasi Mudah Alih yang anda gunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan AEON.

“Terma dan Syarat Aplikasi AEON Bank” merujuk kepada terma dan syarat Aplikasi AEON Bank.

“Laman Web AEON Bank” merujuk kepada laman web kami di mana ia mengandungi butiran lanjut tentang Perkhidmatan Perbankan AEON yang boleh anda akses melalui Peranti Mudah Alih anda pada bila-bila masa.

“Perkhidmatan Perbankan AEON” merujuk kepada kemudahan, produk dan perkhidmatan kami yang disediakan untuk anda yang boleh diakses melalui Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank.

“Perkhidmatan Pelanggan AEON Bank” merujuk kepada butiran kami seperti berikut:
E-mel: customer.support@aeonbank.com.my

“Kumpulan AEON” merujuk kepada semua syarikat yang dianggap berkaitan dengan kami, termasuk syarikat induk kami, dan semua anak syarikat berkaitan syarikat induk tersebut.

“ATM” merujuk kepada mesin juruwang automatik.

“PIN ATM” merujuk kepada nombor pengenalan peribadi 6-digit (PIN ATM) untuk Kad Debit-i dikeluarkan kepada anda di bawah Akaun anda.

“Cawangan Tunai Sah” merujuk kepada mana-mana ahli institusi yang diberi kuasa untuk menerima PayNet atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana kami merupakan ahli untuk memudahkan pengeluaran tunai.

“Auto Debit” merujuk kepada pembayaran berulang yang dibuat oleh anda melalui Kad Debit-i untuk pembayaran Takaful/insurans, bil-bil dan/atau perkhidmatan lain yang kami mungkin perkenalkan dan sediakan dari masa ke semasa.

“Biometrik” merujuk kepada jejak biometrik yang disimpan oleh Peranti Mudah Alih yang menyokong fungsi pengesahan biometrik, termasuk tetapi tidak terhad kepada wajah dan cap jari, dan boleh digunakan sebagai gantian ID Pengguna untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan AEON melalui Aplikasi AEON Bank dan melaksanakan sebarang fungsi yang terdapat dalam Perkhidmatan Perbankan AEON melalui Aplikasi AEON Bank.

“BNM” merujuk kepada Bank Negara Malaysia.

“Hari Bekerja” merujuk kepada mana-mana hari dari Isnin hingga Jumaat di mana kami dibuka untuk perniagaan di Malaysia tetapi tidak termasuk sebarang cuti umum.

“Transaksi Tanpa Kad” merujuk kepada Transaksi yang dibuat di mana anda tidak dapat atau tidak perlu mengemukakan kad secara fizikal semasa membuat pembayaran termasuk tetapi tidak terhad kepada dalam talian, Auto Debit, pesanan mel dan pesanan telefon (MOTO).

“Transaksi Dengan Kad” merujuk kepada Transaksi yang dibuat di mana anda mengemukakan Kad Debit-i secara fizikal apabila membuat pembayaran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pembelian Runcit.

“Pembaca Tanpa Sentuhan” merujuk kepada pembaca selamat yang dilengkapi dalam Terminal POS yang melaluinya pembelian Transaksi Tanpa Sentuhan boleh dibuat.

“Contactless Transaction” refers to any Transaction that is made by tapping or waving the Debit Card-i in front of a Contactless Reader.

“Debit Card-i” refers to the Debit Card-i that we issued to you providing electronic access to your Account, and to allow you to effect any Transactions subject to these Terms and Conditions.

“FEN” refers to the Foreign Exchange Notices Policy issued by BNM, as may be amended from time to time.

“Force Majeure” refers to events or situations beyond our control including earthquakes, floods, fire, plague, epidemic, pandemic, acts of God, other natural disasters or catastrophe, industrial dispute, act of public enemy, terrorism, riots, civil commotion or disturbances, war (whether declared or not), strikes, embargo, any factor in a nature of a force majeure, or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, or fuel supply.

“IFSA 2013” refers to Islamic Financial Services Act 2013, as may be amended from time to time.

“Instructions” refers to any request, application, authorisation or instructions in any form given by you to us or transmitted through the AEON Bank Application.

“Limit” refers to the maximum combined limit that is set by you through the AEON Bank Application for daily cash withdrawal and/or any Retail Purchase made via Participating Retails whether in Malaysia or outside Malaysia.

“MEPS” refers to the Malaysian Electronic Payment System, which is an interbank network service provider in Malaysia.

“Merchant” refers to any retailer or person, firm or organisations who accept or cause its outlet to accept the Debit Card-i when presented for payment for the supply of goods and/or services.

“Mobile Application” refers to an application which you may download and install via iOS or Android Mobile Devices to receive Push Notification and/or to perform selected AEON Banking Services.

“Mobile Device” refers to any mobile electronic or telecommunication device, including without limitation, mobile phones, smartphones, laptops or tablets, that may be used to access the AEON Bank Application.

“OFS” refers to the Ombudsman Financial Services, which is a financial consumer dispute resolution body.

“Overseas Transactions” refers to Transactions performed at Merchants and/or Authorised Cash Outlets outside of Malaysia using the Debit Card-i.

“PayNet” refers to Payment Network Malaysia Sdn Bhd.

“Participating Retail” refers to any Retail Purchase made by you through a POS Terminal or Contactless Reader installed at the payment counter of any Merchant(s) that accepts the Debit Card-i.

“Transaksi Tanpa Sentuhan” merujuk kepada sebarang Transaksi yang dibuat dengan menyentuh atau mengimbas Kad Debit-i di hadapan Pembaca Tanpa Sentuhan.

“Kad Debit-i” merujuk kepada Kad Debit-i yang kami keluarkan kepada anda yang menyediakan akses kepada Akaun anda, dan membolehkan anda melaksanakan sebarang Transaksi tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.

“FEN” merujuk kepada Polisi Notis Pertukaran Asing (Foreign Exchange Notices Policy) yang dikeluarkan oleh BNM, sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa.

“Force Majeure” merujuk kepada peristiwa atau situasi di luar kawalan kami termasuk gempa bumi, banjir, kebakaran, wabak, epidemik, pandemik, perbuatan Tuhan, bencana alam atau malapetaka lain, pertikaian industri, tindakan musuh awam, keganasan, rusuhan, kekecohan atau gangguan sivil, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, embargo, atau sebarang faktor yang bersifat force majeure, atau sebarang kegagalan atau gangguan kepada telekomunikasi, elektrik, air, atau bekalan bahan api.

“IFSA 2013” merujuk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013), sebagaimana yang mungkin dipinda dari masa ke semasa.

“Arahan” merujuk kepada sebarang, permintaan, permohonan, kebenaran atau arahan dalam sebarang bentuk yang anda berikan kepada kami atau dihantar melalui Aplikasi AEON Bank.

“Had” merujuk kepada had gabungan maksimum yang ditetapkan oleh anda melalui Aplikasi AEON Bank untuk pengeluaran tunai harian dan/atau sebarang Pembelian Runcit yang dibuat melalui Peruncitan yang mengambil bahagian sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia.

“MEPS” merujuk kepada Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia, yang merupakan penyedia perkhidmatan rangkaian antara bank di Malaysia.

“Pedagang” merujuk kepada mana-mana peruncit atau individu, firma atau organisasi yang menerima atau menyebabkan cawangannya menerima Kad Debit-i apabila dikemukakan untuk pembayaran bagi pembekalan barangan dan/atau perkhidmatan.

“Aplikasi Mudah Alih” merujuk kepada aplikasi yang boleh anda muat turun dan pasang melalui Peranti Mudah Alih iOS atau Android untuk menerima Paparan Notifikasi dan/atau untuk melaksanakan Perkhidmatan Perbankan AEON terpilih.

“Peranti Mudah Alih” merujuk kepada mana-mana peranti elektronik atau telekomunikasi mudah alih, termasuk tanpa had, telefon mudah alih, telefon pintar, komputer riba atau tablet, yang boleh digunakan untuk mengakses Aplikasi AEON Bank.

“OFS” merujuk kepada Perkhidmatan Kewangan Ombudsman, yang merupakan badan penyelesaian pertikaian pengguna kewangan.

“Transaksi Luar Negara” merujuk kepada Transaksi yang dilakukan di Pedagang dan/atau Cawangan Tunai Sah di luar Malaysia menggunakan Kad Debit-i.

“PayNet” merujuk kepada Payment Network Malaysia Sdn Bhd.

“Peruncitan yang mengambil Bahagian” merujuk kepada sebarang Pembelian Runcit yang dibuat oleh anda melalui Terminal POS atau Pembaca Tanpa Sentuhan yang dipasang di kaunter pembayaran mana-mana Pedagang yang menerima Kad Debit-i.

“Password” refers to a unique string of characters (includes alphanumeric and selected symbols) chosen by you and known only to you and our computer system, which you must key in to allow the AEON Bank Application system to authenticate your User ID and grant you access to the Debit Card-i through the AEON Bank Application.

“Payee Corporations” refers to corporation(s) whose bills can be paid through the AEON Banking Services.

“PDF” refers to Portable Document Format.

“POS” refers to the point of sale at the time and place where a Retail Purchase is performed at any Merchant outlets.

“POS Terminal” refers to an electronic device which belongs to other financial institutions or any other third party in Malaysia and overseas that is used to process card payments at Merchant outlets which accept payments.

“Product Disclosure Sheet” refers to the product disclosure sheet(s) of the respective products and services by us.

“Push Notification” refers to any transaction authentication, post-transaction alert, security alert, system maintenance, promotion and other types of messages that may be sent to your Mobile Device even when your Mobile Device is locked, on standby, or the Mobile Application is not running.

“Retail Purchases” refers to all payments made for Card-Present-Transaction and/or Card-Not-Present Transaction incurred when the Debit Card-i is in use.

“Security Codes” refers to the security credentials used to identify you when you access and utilise the AEON Bank Application comprising of the Password, User ID, ATM PIN, Biometric, registration code, reset code and includes any other security codes that we may issue/implement from time to time with prior notice given to you.

“Shariah” refers to Shariah standards as determined from time to time by the rulings of the Shariah Advisory Council of BNM and advice of our Shariah Committee. We agree that our respective rights and obligations herein are intended to be and in conformity with the Shariah as determined from time to time by the rulings and Shariah standards of the Shariah Advisory Council of BNM and our Shariah Committee.

“Shariah Advisory Council” refers to the Shariah Advisory Council of BNM.

“Shariah Committee” refers to our Shariah committee.

“SST” refers to the Self Service Terminals which include ATMs that support MEPS / VISA functionality.

“Transactions” refers to all transaction(s) that is/are effected through the use of the Debit Card-i and/or the AEON Bank Application or any other electronic banking services that we shall offer and introduce from time to time. Transactions shall include but not limited to cash withdrawal, Retail Purchase, fund transfer, balance inquiry, payment, deposit of cash, payment of bills.

“Kata Laluan” merujuk kepada rentetan aksara yang unik (termasuk simbol abjad angka dan simbol terpilih) yang anda pilih dan hanya diketahui oleh anda dan sistem komputer kami, yang anda perlu masukkan untuk membolehkan sistem Aplikasi AEON Bank mengesahkan ID Pengguna anda dan memberikan anda akses kepada Kad Debit-i melalui Aplikasi AEON Bank.

“Syarikat Penerima Pembayaran” merujuk syarikat-syarikat yang bilnya boleh dibayar melalui Perkhidmatan Perbankan AEON.

“PDF” merujuk kepada Format Dokumen Mudah Alih.

“POS” merujuk kepada titik jualan pada masa dan tempat di mana Pembelian Runcit dilakukan di mana-mana cawangan Pedagang.

“Terminal POS” merujuk kepada peranti elektronik yang dimiliki oleh institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga lain di Malaysia dan luar negara yang digunakan untuk memproses pembayaran-pembayaran kad di cawangan Pedagang yang menerima pembayaran.

“Helaian Pendedahan Produk” merujuk kepada helaian pendedahan produk dan perkhidmatan masing-masing oleh kami.

“Paparan Notifikasi” merujuk kepada sebarang pengesahan transaksi, amaran selepas transaksi, amaran keselamatan, penyelenggaraan sistem, promosi dan jenis-jenis mesej lain yang mungkin dihantar ke Peranti Mudah Alih anda walaupun apabila Peranti Mudah Alih anda dikunci, dalam keadaan siap sedia atau Aplikasi Mudah Alih tidak berjalan.

“Pembelian Runcit” merujuk kepada semua pembayaran yang dibuat untuk Transaksi Dengan Kad dan/atau Transaksi Tanpa Kad yang ditanggung apabila Kad Debit-i sedang digunakan.

“Kod-Kod Keselamatan” merujuk kepada kelayakan keselamatan yang digunakan untuk mengenal pasti anda apabila anda mengakses dan menggunakan Aplikasi AEON Bank yang terdiri daripada Kata Laluan, ID Pengguna, PIN ATM, Biometrik, kod pendaftaran, kod set semula dan termasuk sebarang kod keselamatan lain yang mungkin dikeluarkan/dilaksanakan oleh kami dari masa ke semasa dengan notis terlebih dahulu diberikan kepada anda.

“Syariah” merujuk kepada piawaian Syariah yang ditentukan dari masa ke semasa oleh ketetapan Majlis Penasihat Syariah BNM dan nasihat Jawatankuasa Syariah kami. Kami bersetuju bahawa hak dan kewajipan kami masing-masing di sini adalah bertujuan untuk menjadi dan selaras dengan Syariah seperti yang ditentukan dari masa ke semasa oleh ketetapan dan piawaian Syariah Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah kami.

“Majlis Penasihat Syariah” merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah BNM.

“Jawatankuasa Syariah” merujuk kepada jawatankuasa Syariah kami.

“SST” merujuk kepada Terminal Layan Diri termasuk ATM yang menyokong fungsi MEPS / VISA.

“Transaksi” merujuk kepada semua transaksi yang sedang/ telah dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit-i dan/atau Aplikasi AEON Bank atau mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik lain yang kami akan tawarkan dan perkenalkan dari masa ke semasa. Transaksi akan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran tunai, Pembelian Runcit, pemindahan dana, pertanyaan baki, pembayaran, deposit tunai, pembayaran bil.

“User ID” refers to the unique name made up of a string of characters chosen by you, constitutes one part of your electronic signature hereunder and is the only means by which to allow us to identify you, which you must key-in in order for the AEON Bank Application system to associate your User ID with your user profile and your Account.

“Valid Thru Date” refers to the expiration date of the Debit Card-i which is five (5) years from the month of issuance.

“VISA” refers to a digital payment technology provided through VisaNet.

“VisaNet” refers to a global online system that processes money transfers.

- 2.2 Words importing the singular shall include the plural and vice versa.
- 2.3 Words importing the masculine gender shall include the feminine and neuter genders and vice versa.
- 2.4 All references to provisions of statutes include subsidiary legislation and all modifications, re-certification and re-enactment of or to such statutes and subsidiary legislations from time to time and for the time being in force.

3.0 APPLICATION AND ENROLMENT FOR A DEBIT CARD-i

- 3.1 Any application for a Debit Card-i and its access is subject to our approval. We reserve the right to accept or reject any application, deny and limit your access or Transactions to the Debit Card-i, or revoke your access to the Debit Card-i.
- 3.2 You further agree that we shall determine the duration of the services. We may extend the duration from year to year or for any other period as we deem fit. If the services are not extended by us, then the available services shall cease on the Valid Thru Date and any amounts due to us under the services and up to the Valid Thru Date and/or termination date of the Debit Card-i shall become fully payable. The services shall be subject to periodic review at our discretion and any amount due to us shall be payable on demand.
- 3.3 You also agree that the Debit Card-i is issued for use in connection with the services made available by us from time to time within the available balance in the Account, during the tenure and renewed tenure of the Debit Card-i, including but not limited to the following:-
- (a) to facilitate the purchase and acquiring of goods and/or services from the Merchants;
 - (b) operation of the various accounts (if any) opened for you in conjunction with the use of the Debit Card-i; and/or
 - (c) any other facilities, subject to prior written arrangement with us.

4.0 ACCEPTANCE AND USE OF THE DEBIT CARD-i

- 4.1 You are eligible to apply for a Debit Card-i through the AEON Bank Application if you have an Account with us.

“ID Pengguna” merujuk kepada nama unik yang terdiri daripada rentetan aksara yang dipilih oleh anda, membentuk satu bahagian tandatangan elektronik anda di bawah ini dan merupakan satu-satunya cara untuk membolehkan kami mengenal pasti anda, yang anda perlu masukkan untuk membolehkan sistem Aplikasi AEON Bank untuk mengaitkan ID Pengguna anda dengan profil pengguna anda dan Akaun anda.

“Tarikh Valid Thru” merujuk kepada tarikh tamat tempoh Kad Debit-i iaitu lima (5) tahun dari bulan ia dikeluarkan.

“VISA” merujuk kepada teknologi pembayaran digital yang disediakan melalui VisaNet.

“VisaNet” merujuk kepada sistem dalam talian global yang memproses pemindahan wang.

- 2.2 Perkataan yang membawa maksud tunggal adalah termasuk jamak dan sebaliknya.
- 2.3 Perkataan yang membawa maksud jantina maskulin adalah termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya.
- 2.4 Semua rujukan kepada peruntukan statut termasuk perundangan subsidiari dan semua pengubahsuaian, pensijilan semula dan penggubalan semula atau kepada statut seumpamanya dan perundangan subsidiari dari masa ke semasa dan buat masa ini sedang berkuatkuasa.

3.0 PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN UNTUK KAD DEBIT-i

- 3.1 Sebarang permohonan untuk Kad Debit-i dan aksesnya tertakluk kepada kelulusan kami. Kami berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, menafikan dan mengehadkan akses atau Transaksi-Transaksi anda kepada Kad Debit-i, atau membatalkan akses anda kepada Kad Debit-i.
- 3.2 Anda seterusnya bersetuju bahawa kami akan menentukan tempoh perkhidmatan. Kami boleh memanjangkan tempoh dari tahun ke tahun atau untuk mana-mana tempoh lain yang kami anggap sesuai. Sekiranya perkhidmatan tidak dilanjutkan oleh kami, maka perkhidmatan yang tersedia akan berhenti pada Tarikh Valid Thru dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami di bawah perkhidmatan dan Tarikh Valid Thru dan/atau tarikh penamatan Kad Debit-i mesti dibayar sepenuhnya. Perkhidmatan hendaklah tertakluk kepada semakan berkala dan mengikut budi bicara kami dan sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada kami mesti dibayar atas permintaan.
- 3.3 Anda juga bersetuju bahawa Kad Debit-i dikeluarkan untuk digunakan berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh kami dari masa ke semasa dalam baki yang tersedia dalam Akaun, semasa tempoh dan tempoh diperbaharui Kad Debit-i, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut: -
- (a) untuk mempermudah pembelian dan pemerolehan barangan dan/atau perkhidmatan daripada Pedagang;
 - (b) pengendalian pelbagai akaun (jika ada) dibuka untuk anda dalam penggunaan Kad Debit-i; dan/atau
 - (c) sebarang kemudahan lain, tertakluk kepada perjanjian bertulis sebelum ini dengan kami.

4.0 PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN KAD DEBIT-i

- 4.1 Anda layak untuk memohon Kad Debit-i melalui Aplikasi AEON Bank jika anda mempunyai Akaun dengan kami.

4.2 You acknowledge and agree that:

- (a) the Debit Card-i is not transferable to any other person and can only be used by the person to whom it is issued;
- (b) the Debit Card-i shall be linked to the Account belonging to you to conduct Transactions;
- (c) the cash withdrawals and Transactions made using the Debit Card-i are subject to the Limit set by you, subject always to the maximum limit allowable by us;
- (d) you shall be responsible to us for all Transactions effected using the Debit Card-i and for all related fees debited to the Account;
- (e) you shall use the Debit Card-i responsibly, including not participating in any Shariah non-compliant activities;
- (f) you shall check your Account through the AEON Bank Application from time to time and report any discrepancies to us promptly via the AEON Bank Application; and
- (g) you shall abide with these Terms and Conditions for the usage of this Debit Card-i.

4.3 For Debit Card-i Retail Purchase via MyDebit/VISA and/or for online purchases, such purchases are subject to the POS limit set by us. You can always change the POS limit subject always to the maximum limit allowable by us. The Debit Card-i Retail Purchase via MyDebit/VISA and/or for online purchases may be used subject to the following:

- (a) to pay for purchases using Debit Card-i at any Merchant, you may authorise the debit Transactions by:
 - (i) entering the correct and relevant ATM PIN at the POS Terminal; or
 - (ii) performing Contactless Transaction;
- (b) in the event purchases using Debit Card-i are made via online, Auto Debit, mail order, or telephone order (MOTO), SST, or non-signature-based transactions, you agree that confirmation receipts and/or acceptance issued by any Merchant or its affiliates for such transactions shall be deemed satisfactory documentary evidence as use and you must adhere to these Terms and Conditions;
- (c) you will not use the Debit Card-i for, or in connection with any unlawful activities or for such purpose like illegal online betting or payment for any illegal purchases which may result in us rejecting debit Transactions at POS Terminals or payment gateways and terminating the card immediately, without any liability on us;
- (d) we do not represent nor warrant that the use of Debit Card-i will not be without disruption, interruption or error. We shall not be held liable, responsible or accountable in any way whatsoever due to any loss, damage, injury or other detriment incurred by you if the Debit Card-i is not honoured, unless it is proven that such disruption, interruption, a technical breakdown or some other

4.2 Anda mengakui dan bersetuju bahawa:

- (a) Kad Debit-i tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana individu lain dan hanya boleh digunakan oleh individu yang kepadanya ia dikeluarkan;
- (b) Kad Debit-i hendaklah dikaitkan dengan Akaun kepunyaan anda untuk menjalankan Transaksi;
- (c) pengeluaran tunai dan Transaksi yang dibuat menggunakan Kad Debit-i adalah tertakluk kepada Had yang anda tetapkan, tertakluk kepada had maksimum yang dibenarkan oleh kami;
- (d) anda akan bertanggungjawab kepada kami untuk semua Transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad Debit-i dan untuk semua yuran yang berkaitan yang didebitkan ke Akaun;
- (e) anda hendaklah menggunakan Kad Debit-i secara bertanggungjawab, termasuk tidak menyertai sebarang aktiviti-aktiviti yang tidak mematuhi Syariah;
- (f) anda hendaklah menyemak Akaun anda melalui Aplikasi AEON Bank dari masa ke semasa dan melaporkan sebarang ketidaksekitaan kepada kami dengan segera melalui Aplikasi AEON Bank; dan
- (g) anda hendaklah mematuhi Terma dan Syarat ini untuk penggunaan Kad Debit-i.

4.3 Untuk Pembelian Runcit Kad Debit-i melalui MyDebit/VISA dan/atau untuk pembelian dalam talian, pembelian tersebut tertakluk kepada had POS yang ditetapkan oleh kami. Anda sentiasa boleh menukar had POS tertakluk kepada had maksimum yang dibenarkan oleh kami. Pembelian Runcit Kad Debit-i melalui MyDebit/VISA dan/atau untuk pembelian dalam talian boleh digunakan tertakluk kepada perkara berikut:

- (a) bagi membayar untuk pembelian yang menggunakan Kad Debit-i di mana-mana Pedagang, anda boleh membenarkan Transaksi debit dengan:
 - (i) memasukkan PIN ATM yang betul dan berkaitan di Terminal POS; atau
 - (ii) melakukan Transaksi Tanpa Sentuh;
- (b) sekiranya pembelian menggunakan Kad Debit-i dibuat melalui dalam talian, Auto Debit, pesanan mel, atau pesanan telefon (MOTO), SST, atau transaksi bukan berasaskan tandatangan, anda bersetuju bahawa resit pengesahan dan/atau penerimaan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pedagang atau anggota gabungannya untuk transaksi sedemikian akan dianggap sebagai bukti dokumentari yang memuaskan sebagai digunakan dan anda mesti mematuhi Terma dan Syarat ini;
- (c) anda tidak akan menggunakan Kad Debit-i untuk, atau berkaitan dengan sebarang aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang atau untuk tujuan sedemikian seperti pertaruhan dalam talian atau pembayaran untuk sebarang pembelian tidak sah yang boleh menyebabkan kami menolak Transaksi debit di Terminal POS atau gerbang pembayaran dan menamatkan kad itu serta-merta, tanpa sebarang liabiliti ke atas kami;
- (d) kami tidak mewakili atau menjamin bahawa penggunaan Kad Debit-i tidak akan tergendala, berlaku gangguan atau kesilapan. Kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara sekalipun disebabkan oleh sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan atau kemudaratan lain yang ditanggung oleh anda jika Kad Debit-i tidak dihormati, melainkan jika

inefficiency in the systems or equipment of us or error arises directly from our gross negligence, misconduct, wilful default or fraud;

(e) you agree that all Transactions effected on the Debit Card-i are subject to:

(i) the fees and charges as stated on the Product Disclosure Sheet of the Debit Card-i available at the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Application;

(ii) the respective Limit and POS limit; and

(iii) the current balance in the Account being sufficient to authorise for any Transactions and fees and/or charges imposed by us;

(f) you hereby absolve us from any and all liability and responsibility if you incur any delay, cost, expense, loss, damage, and/or another detriment due to:

(i) any failure due to any mechanical defect or malfunction of any ATM, POS terminal, internet network or such other terminals or channels that are available to you or due to a loss or interruption of power supply;

(ii) any damage, loss, or inability to retrieve any data or information that may be stored on the card or any microchip or circuit or device on the card; or

(iii) should there be any rejection by any Merchant or any terminal used to process card transactions or connection with the card facilities or if we refuse, according to its policies, to authorise any card transactions.

(g) we will not affect any payment order or Instructions unless there is sufficient balance in the Account on the payment order or Instructions date and we shall not be liable for any loss or damage suffered by you arising therefrom;

(h) the Account balance shall exclude uncleared cheques(s) or remittances not received. All payment orders or Instructions will be void if the Account is closed or the payment order or Instructions is cancelled on or before the payment date; and

(i) in some circumstances, MyDebit/VISA may allow you to charge a Debit Card-i transaction back to the Merchant with whom the Retail Purchase was made (if the chargeback right is available) subject to the complaint or dispute having been made to us by you within fourteen (14) days from the posting date of such Transaction in Account and we have provided the necessary information requested by us to support the chargeback within the requested time frame.

4.4 Where there is a dispute between you and the Payee Corporations or Merchant arising from the use of a Debit Card-i, or where you have paid in excess of what is due to the Payee Corporations or Merchant, you shall settle such dispute with or obtain an adjustment or refund from such Payee Corporation or Merchant. As the case may be, the Payee

terbukti bahawa gangguan, kesilapan, gangguan teknikal atau ketidakcekapan yang lain dalam sistem atau peralatan kami atau kesilapan timbul secara langsung daripada kecuai melampau kami, salah laku, kemungkiran yang disengajakan atau penipuan;

(e) anda bersetuju bahawa semua Transaksi yang dilaksanakan pada Kad Debit-i adalah tertakluk kepada:

(i) yuran dan caj yang dinyatakan pada Helaian Pendedahan Produk Kad Debit-i yang tersedia pada Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank;

(ii) had dan had POS berkenaan; dan

(iii) baki semasa dalam Akaun adalah mencukupi untuk membenarkan sebarang Transaksi dan yuran dan/atau caj yang dikenakan oleh kami;

(f) anda dengan ini membebaskan kami daripada sebarang dan semua liabiliti dan tanggungjawab jika anda mengalami sebarang kelewatan, kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan dan/atau kerugian lain disebabkan oleh:

(i) sebarang kegagalan disebabkan oleh kecacatan mekanikal atau kerosakan mana-mana ATM, terminal POS, rangkaian internet atau terminal atau saluran lain yang tersedia untuk anda atau disebabkan kehilangan atau gangguan bekalan elektrik;

(ii) sebarang kerosakan, kehilangan atau ketidakupayaan untuk mendapatkan semula data atau maklumat yang mungkin disimpan pada kad atau sebarang mikrochip atau litar atau peranti pada kad; atau

(iii) sekiranya terdapat sebarang penolakan oleh mana-mana Pedagang atau mana-mana terminal yang digunakan untuk memproses transaksi kad atau sambungan dengan kemudahan kad atau jika kami enggan, mengikut polisinya, untuk membenarkan sebarang transaksi kad.

(g) kami tidak akan melaksanakan mana-mana perintah pembayaran atau Arahan melainkan terdapat baki yang mencukupi dalam Akaun pada pesanan pembayaran atau Tarikh Arahan dan kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anda yang timbul daripadanya;

(h) baki Akaun mestilah mengecualikan cek yang tidak dijelaskan atau kiriman wang yang tidak diterima. Semua pesanan pembayaran atau Arahan akan tidak sah jika Akaun ditutup atau pesanan pembayaran atau Arahan dibatalkan pada atau sebelum tarikh pembayaran; dan

(i) dalam beberapa keadaan, MyDebit/VISA mungkin membenarkan anda caj semula transaksi Kad Debit-i kepada Pedagang yang dengannya Pembelian Runcit telah dibuat (jika hak caj balik tersedia) tertakluk kepada aduan atau pertikaian yang telah dibuat kepada kami oleh anda dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pengeposan Transaksi sedemikian dalam Akaun dan kami telah memberikan maklumat yang diperlukan yang diminta oleh kami untuk menyokong caj balik dalam tempoh masa yang diminta.

4.4 Jika terdapat pertikaian antara anda dan Syarikat Penerima Pembayaran atau Pedagang yang timbul daripada penggunaan Kad Debit-i, atau di mana anda telah membayar melebihi jumlah yang perlu dibayar kepada Syarikat Penerima Pembayaran atau Pedagang, anda hendaklah menyelesaikan pertikaian tersebut dengan atau dapatkan pelarasan atau

Corporations or Merchant and you hereby agree that you shall not hold us liable for any losses or damages which you may incur arising from the dispute or excess of payment.

bayaran balik daripada Syarikat Penerima Pembayaran atau Pedagang. Mengikut keadaan, Syarikat Penerima Pembayaran atau Pedagang dan anda dengan ini bersetuju bahawa anda tidak akan memegang kami bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang anda akan alami akibat pertikaian atau pembayaran berlebihan.

4.5 Pre-authorisation for payment using Debit Card-i:

A temporary hold of a specific amount from your account. The actual amount for the respective transaction will be debited from your account and the pre-authorisation amount will be released into your account, within three (3) working days, upon settlement by the merchant. This will be applicable but not limited to the transactions below:

(a) At an automated fuel dispenser at a petrol station:-

Pre-authorisation amount of RM200 will be charged to your account when you make payment using your Debit Card-i at an automated fuel dispenser; and

(b) At other merchants:-

The pre-authorisation amount is subject to variation based on the merchants and will be released once the actual amount has been confirmed and processed by the respective merchant.

4.6 You must ensure that the amount being charged is correct before signing any transaction slip or before entering your ATM PIN into any terminal or before performing any Contactless Transaction. You are deemed to have agreed to the transaction, that the amount charged is correct and authorised us to make the payment by signing the slip or entering the ATM PIN or using your Debit Card-i at any terminal or performing any Contactless Transaction.

4.7 You agree that the ATM PIN is a secure way of authenticating and verifying your identity to us for:

(a) the Transactions to be carried out by us for you; and

(b) you to subscribe and register for the AEON Banking Services which may in turn allow the electronic access to your other facilities which are not stated herein.

4.8 In line with Clause 4.7, you further agree as follows:

(a) you allow us to act on all Instructions when identified by your ATM PIN;

(b) we will not be liable for acting upon such Instructions in good faith;

(c) we shall be bound by such Instructions and shall not be allowed to revoke them even if there was error, fraud, forgery, lack of clarity or misunderstanding in respect of such Instructions unless we are notified otherwise; and

(d) we may still request for other forms of identification if there is reasonable belief to doubt your identity, although we are entitled to rely on the ATM PIN as conclusive evidence of your identity.

4.5 Pra-kebenaran bagi pembayaran menggunakan Kad Debit-i:

Penahanan sementara amaun tertentu pada akaun anda. Amaun sebenar untuk urus niaga tersebut akan didebitkan daripada akaun anda dan amaun penahanan sementara pra-kebenaran akan dilepaskan kepada akaun anda, dalam tempoh tiga (3) hari bekerja, setelah penyelesaian oleh peniaga. Hal ini terpakai tetapi tidak terhad kepada transaksi yang tertera di bawah:

(a) Mesin dispenser petrol automatik di stesen minyak:

Amaun pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dicaj ke akaun anda apabila anda membuat pembayaran menggunakan Kad Debit-i di mesin dispenser petrol automatik; dan

(b) Lain-lain peniaga:

Amaun pra-kebenaran berbeza tertakluk pada peniaga dan akan dilepaskan setelah jumlah sebenar disahkan dan diproses oleh peniaga tersebut.

4.6 Anda mesti memastikan bahawa jumlah yang dicaj adalah betul sebelum menandatangani sebarang slip transaksi atau sebelum memasukkan PIN ATM anda ke dalam mana-mana terminal atau sebelum melakukan sebarang Transaksi Tanpa Sentuh. Anda dianggap telah bersetuju dengan transaksi tersebut, bahawa jumlah yang dikenakan adalah betul dan membenarkan kami membuat pembayaran dengan menandatangani slip atau memasukkan PIN ATM atau menggunakan Kad Debit-i anda di mana-mana terminal atau melakukan sebarang Transaksi Tanpa Sentuh.

4.7 Anda bersetuju bahawa PIN ATM ialah cara selamat untuk mengesahkan dan memastikan identiti anda kepada kami untuk:

(a) Transaksi yang akan dilaksanakan oleh kami untuk anda; dan

(b) anda pelanggan dan mendaftar untuk Perkhidmatan Perbankan AEON yang boleh membenarkan akses elektronik kepada kemudahan anda yang lain yang tidak dinyatakan di sini.

4.8 Selaras dengan Klausula 4.7, anda juga bersetuju seperti berikut:

(a) anda membenarkan kami bertindak mengikut semua Arahan apabila dikenal pasti oleh PIN ATM anda;

(b) kami tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas Arahan tersebut dengan niat baik;

(c) kami akan terikat kepada Arahan tersebut dan tidak dibenarkan untuk membatalkannya walaupun terdapat kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekurangan kejelasan atau salah faham berkenaan dengan Arahan tersebut melainkan kami diberitahu sebaliknya; dan

(d) Kami masih boleh meminta untuk jenis-jenis pengenalan lain jika terdapat kepercayaan yang munasabah untuk meragui identiti anda, walaupun kami berhak untuk bergantung kepada PIN ATM sebagai bukti muktamad identiti anda.

4.9 You must comply with all directions and guidelines issued by us for the use of the Debit Card-i from time to time.

5.0 FUNCTIONS OF THE DEBIT CARD-i

5.1 The Debit Card-i may be used for any services provided by us including:

- (a) purchasing goods and/or services from a Merchant within Malaysia and overseas by performing Contactless Transaction;
- (b) withdrawing cash from your Account at any designated ATM that supports MEPS / VISA functionality within Malaysia;
- (c) withdrawing cash from your Account at any designated ATM outside of Malaysia; or
- (d) performing Card-Not-Present-Transactions.

6.0 OWNERSHIP OF THE CARD

6.1 The Debit Card-i remains our property at all times, and must be surrendered to us immediately upon demand, and it is not transferable to another party for any use or purpose unauthorised by us.

6.2 You shall not use the physical Debit Card-i and shall cut the physical Debit Card-i in halves in one of the following events:

- (a) when the Debit Card-i expires;
- (b) when you cancel, terminate, replace or surrender the Debit Card-i;
- (c) when we cancel, revoke or suspend the use of the Debit Card-i;
- (d) upon discovery of the physical Debit Card-i after notification of its loss or theft;
- (e) if the Password is disclosed or exposed, voluntarily or otherwise, to any person by you; or
- (f) upon expiry of the Valid Thru Date.

6.3 Upon your cancellation of the Debit Card-i following the loss, theft, or mutilation of the physical Debit Card-i, we may, according to our policies, issue a replacement physical Debit Card-i to you. Any replacement of the physical Debit Card-i issued by us will be subject to a replacement fee as stated under our fees and charges. This shall not be considered as termination of these Terms and Conditions or closing of the Account.

6.4 You shall be only issued with one Debit Card-i at a time, subject to our absolute discretion to issue more than one Debit Card-i to you as we deem fit.

7.0 CONTACTLESS TRANSACTION

7.1 The Debit Card-i will incorporate a feature which enables the Debit Card-i to be used for Contactless Transaction at contactless terminals.

7.2 The Debit Card-i supports Contactless Transaction i.e. MyDebit/VISA PayWave, which are contactless payment methods via the "wave" function with no ATM PIN or signature required that can be performed at any POS Terminal that displays the MyDebit/VISA PayWave logo.

4.9 Anda mesti mematuhi semua arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh kami untuk penggunaan Kad Debit-i dari masa ke semasa.

5.0 FUNGSI-FUNGSI KAD DEBIT-i

5.1 Kad Debit-i boleh digunakan untuk sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh kami, termasuk:

- (a) pembelian barangan dan/atau perkhidmatan daripada Pedagang di dalam Malaysia dan di luar negara dengan melakukan Transaksi Tanpa Sentuh;
- (b) mengeluarkan tunai daripada Akaun anda dari mana-mana ATM yang ditetapkan yang menyokong fungsi MEPS / VISA dalam Malaysia;
- (c) mengeluarkan tunai daripada Akaun anda dari mana-mana ATM yang ditetapkan di luar Malaysia; atau
- (d) melakukan Transaksi Tanpa Kad.

6.0 PEMILIKAN KAD

6.1 Kad Debit-i kekal milik kami pada setiap masa, dan mesti diserahkan kepada kami serta-merta apabila diminta, dan ia tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain untuk sebarang kegunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh kami.

6.2 Anda tidak boleh menggunakan Kad Debit-i fizikal dan hendaklah memotong Kad Debit-i fizikal kepada dua bahagian dalam salah satu peristiwa berikut:

- (a) apabila Kad Debit-i tamat tempoh;
- (b) apabila anda membatalkan, menamatkan, menggantikan atau menyerahkan Kad Debit-i;
- (c) apabila kami membatalkan, menarik semula atau menggantung penggunaan Kad Debit-i;
- (d) sebaik Kad Debit-i fizikal tersebut ditemui selepas pemberitahuan kehilangan atau kecuriannya;
